

Pelaksanaan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Pendidikan Guru

Chin Chee Keong¹, Siti Seri Kartini Mohd Yatim^{2*} & Noor Fadzilah Aris³

^{1&3}IPGM Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, Mengkuang,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

² IPGM Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Jalan Kuala Ketil,
08000 Sungai Petani, Kedah, Malaysia

*Corresponding email: serischummy@gmail.com

Received: 05 December 2024; **Accepted:** 10 May 2025; **Published:** 28 May 2025

To cite this article (APA): Chin, C. K., Mohd Yatim, S. S. K. ., & Aris, N. F. (2025). Pelaksanaan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) dalam Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 18(1), 129-140. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.13.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.12.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pencapaian objektif Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), menilai kesesuaian tugas Pentaksiran Berterusan semasa PBS, meninjau sokongan pihak sekolah kepada guru pelatih semasa PBS serta meneroka kepentingan menyediakan Portfolio PBS. Data diperoleh melalui kaedah analisis deskriptif yang digunakan untuk menganalisis data kajian yang telah dikumpulkan menggunakan Perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) 26 serta secara tematik. Sampel kajian terdiri daripada 95 guru pelatih Semester II Tahun Dua yang telah melaksanakan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) kali ke-3. Instrumen kajian pula terdiri daripada borang soal selidik yang telah diedarkan secara atas talian kepada sampel kajian melalui kaedah *google form*. Keputusan kajian memberikan gambaran yang komprehensif mengenai pelaksanaan PBS dalam konteks pendidikan guru. Dapatan menunjukkan bahawa PBS berperanan penting dalam memahami budaya sekolah, menyesuaikan diri dengan budaya tersebut, dan memperoleh pengetahuan pengurusan sekolah. Selain itu, pengalaman PBS turut membantu dalam menghayati kerjaya sebagai guru dan memahami pengurusan serta strategi pembelajaran dan pengajaran. Selain daripada aspek pembelajaran secara langsung dalam bilik darjah, kajian ini juga menunjukkan kepentingan Portfolio PBS sebagai pentaksiran yang bermanfaat. Kajian ini menunjukkan sokongan yang tinggi dari pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran, serta ketersediaan kemudahan di sekolah untuk membantu guru pelatih. Implikasi kajian ini dapat digunakan sebagai landasan untuk menyelaraskan dan meningkatkan program PBS dalam pendidikan guru, memastikan persediaan guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran yang kompleks serta pendidikan kontemporari.

Kata kunci: Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Pencapaian, Pentaksiran Berterusan, portfolio, guru pelatih.

Abstract

This study aims to identify the impact of achieving School-Based Experience (SBE) objectives, assess the appropriateness of Continuous Assessment tasks during SBE, survey the school's support for teacher trainees during PBS and explore the importance of preparing SBE Portfolio. Data was obtained through descriptive analysis methods that were used to analyze research data that had been collected using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 26 software as well as thematically. The study sample consisted of 95 Semester II Year Two trainees who had implemented the SBE for the 3rd time. The research instrument consists of a questionnaire that has been distributed online to the research sample through the google form method. The results of the study provide a comprehensive overview of the implementation of SBE in the context of teacher education. Findings show that SBE plays an important role in understanding school culture, adapting to that culture, and acquiring school management knowledge. In addition, the SBE experience also helps in appreciating the career as a teacher and understanding the management and strategies in teaching and learning. Apart from the aspect of direct learning in the classroom, this study also shows the importance of the SBE Portfolio as a useful assessment. This study shows high support from school administrators and subject teachers, as well as the availability of facilities in schools to help trainee teachers. The implications of this study can be used as a basis to coordinate and improve the SBE program in teacher education, ensuring quality teacher preparation and ready to face complex challenges and contemporary education.

Keywords: *School Based Experience (PBS), Achievement, Continuous Assessment, portfolio, trainee teacher.*

PENGENALAN

Amalan profesional merupakan komponen mustahak dalam rangka kurikulum perguruan yang berlandaskan hasrat dan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Guru, visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Komponen ini merupakan platform bagi guru pelatih mempraktikkan ilmu dan kemahiran serta teori pengajaran dan pembelajaran. Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) pula merupakan satu komponen daripada Amalan Profesional bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan IPG. PBS ini adalah pendekatan pendidikan yang menekankan pembelajaran melalui pengalaman praktikal dalam persekitaran sekolah. PBS adalah pendekatan yang berpusatkan siswa pendidik bertujuan untuk meningkatkan proses pembelajaran dengan memberikan peluang kepada siswa pendidik untuk terlibat secara aktif dalam pengalaman dunia nyata, mengaplikasikan pengetahuan teori, dan membangunkan kemahiran penting.

Dalam usaha Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) untuk melahirkan guru yang kompeten dan bersedia untuk memikul pelbagai tugas dan tanggungjawab di sekolah, setiap guru pelatih perlu melaksanakan komponen Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) untuk memenuhi keperluan berijazah. PBS adalah sebahagian daripada Amalan Profesional bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) IPGM. PBS adalah umpama internship di sekolah, iaitu program latihan di lapangan yang memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengaitkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sedia ada dengan amalan sebenar tugas guru permulaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Sebagai langkah persediaan untuk menyertai perkhidmatan pendidikan di sekolah selepas tamat pengajian di IPGM, PBS dapat memberi kefahaman awal kepada guru pelatih tentang alam persekolahan melalui perspektif seorang guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Guru pelatih berpeluang memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan, peranan guru di dalam bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, refleksi dan interaksi dengan guru serta komuniti sekolah. Guru pelatih juga diharapkan dapat mengamati sistem pengurusan sekolah, tingkah laku murid, pengurusan bilik darjah dan tugas sebenar seorang guru ketika melaksanakan PBS.

Program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang dijalankan dalam tempoh seminggu ini juga bertujuan mendedahkan siswa pendidik dengan realiti alam persekolahan dari sudut pandangan seorang guru. Pendekatan ini melibatkan pengintegrasian pengetahuan akademik dengan pengalaman praktikal, membolehkan siswa pendidik meneroka ilmu dan pengalaman di luar suasana kelas tradisional. Ia menggalakkan penyertaan aktif, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kerjasama di kalangan siswa pendidik sepanjang tempoh PBS. Selain itu, PBS mengaplikasikan pengetahuan

siswa pendidik dalam situasi kehidupan sebenar. Pendekatan ini menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep dan mendorong siswa pendidik untuk membangunkan kemahiran praktikal yang relevan dengan kerjaya mereka pada masa hadapan. Secara tidak langsung, program ini memberi peluang kepada siswa pendidik untuk memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan, peranan guru di dalam bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, refleksi dan interaksi dengan guru serta komuniti sekolah. Melalui PBS pelajar dapat memahami sistem pengurusan sekolah, tingkah laku murid, pengurusan bilik darjah dan tugas sebenar seorang guru.

TINJAUAN LITERATUR

Program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) memainkan peranan mustahak dalam pengembangan profesionalisme seorang siswa pendidik. Ia memberikan ruang dan peluang kepada siswa pendidik untuk mengaplikasikan segala pengetahuan yang dipelajari secara teori ke dalam persekitaran bilik darjah yang kompleks. Kepentingan PBS dalam pendidikan guru telah diakui secara meluas. Ab. Latip & Abd Ghani (2003) menekankan keperluan program PBS dimasukkan dalam latihan perguruan adalah untuk mendekatkan siswa pendidik kepada situasi sebenar sekolah. Program ini membolehkan siswa pendidik IPG memahami teori dan konsep pengajaran yang dikuliahkan secara lebih dekat dan nyata. Sekaligus, siswa pendidik dapat meneliti teori bersama-sama praktikal secara mendalam dan bererti semasa berada di sekolah. Menurut Ögeyik, M. (2020) PBS memupuk kesedaran profesional dan pembangunan amalan pengajaran dalam diri setiap siswa pendidik yang merupakan bakal guru kelak. Pengalaman seumpama ini banyak menyumbang kepada prestasi pengajaran siswa pendidik sepanjang proses pendidikan pra perkhidmatan mereka. Tidak dapat disangkal, sekolah merupakan komuniti pembelajaran yang paling ideal dalam mengajar siswa pendidik menjadi matang secara profesional lantas menjadikan program PBS merupakan asas yang sangat menyokong. Jelasnya, program Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan jambatan untuk mengisi kesenjangan antara teori dan praktikal siswa pendidik di Institut Pendidikan Guru.

Pelaksanaan PBS sesungguhnya memberi manfaat besar kepada para siswa pendidik bagi mengembangkan keyakinan, pengetahuan dan kemahiran dalam konteks sekolah yang tulen. Hudson, P. (2010) dalam kajian beliau terhadap sekumpulan guru praperkhidmatan sebuah universiti menyatakan bahawa segala pengalaman yang diharap semasa program PBS berupaya membangunkan kemahiran peribadi-profesional, amalan pengajaran, keperluan sistem, pengurusan tingkah laku, maklum balas murid serta refleksi amalan masing-masing. Peserta kajian yang terlibat turut merasakan bahawa program ini membenarkan mereka berfikir secara kritis pada ketika diberi ruang untuk merefleksi sendiri. Ini disokong oleh dapatan kajian Ruohotie-Lyhty, M., & Kaikkonen, P. (2009) yang mendapati program PBS mempunyai peranan penting dalam membina pengetahuan praktikal dalam pengajian perguruan. Biarpun tempoh program singkat namun ia berkesan. Lang, C., Neal, D., Karvouni, M., & Chandler, D. (2015) pula menekankan kepentingan program ini dalam menyediakan guru yang berkelayakan tinggi dan membincangkan bagaimana PBS berupaya menyumbang kepada pertumbuhan profesional dan keberkesanan guru. Selain daripada membina hubungan dan mewujudkan komuniti pendidik, penemuan kajian juga menunjukkan model pengalaman profesional ini sangat bermanfaat dalam menghasilkan graduan sedia bekerja seterusnya menjadi pendidik yang berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Program pendidikan guru masih bergelut dengan cabaran untuk memastikan guru pelatih bersedia dengan secukupnya untuk menghadapi realiti bilik darjah di sekolah (Broadley et al., 2013). Kemudahan guru pelatih membuat peralihan kepada tugas guru sebenar di sekolah telah dikenalpasti sebagai faktor kritikal yang menentukan pengekalan guru dalam perkhidmatan jangka panjang (Hudson & Hudson, 2006). Persediaan guru pelatih yang tidak mencukupi dikaitkan dengan pengurangan pengekalan guru dalam kerjaya pendidikan (Harding & Parsons, 2011).

Kajian tentang keberkesanan PBS dalam konteks pendidikan guru di Malaysia tidak banyak dilaporkan. Kajian berkaitan PBS yang dikesan setakat ini tidak terlepas daripada cabaran dan isu

tertentu sepanjang pelaksanaannya. Dua kajian berkaitan PBS yang ditemui sehingga terkini adalah berkaitan bimbingan guru sekolah dan komunikasi interpersonal guru pelatih. Ab Latip & Abd Ghani (2003) yang meninjau keberkesanan program PBS dalam kalangan guru pelatih Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Sekolah Rendah menunjukkan aspek PBS yang kurang berjaya ialah amalan di bilik darjah dan keupayaan mengenal pasti kesukaran pembelajaran dalam sesuatu mata pelajaran. Selain itu guru pelatih juga kurang mendapat bimbingan berkesan daripada guru pembimbing dan ketiadaan sesi refleksi berjadual untuk mengaitkan tugas dengan pengalaman yang diperoleh semasa pelaksanaan program PBS juga menyebabkan objektif PBS terjejas. Tay (2013) pula mendapati kemahiran interpersonal guru pelatih PISMP berada pada tahap sederhana walaupun mempunyai kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan yang tinggi.

Kekurangan kajian keberkesanan PBS di IPG menimbulkan keperluan menjalankan kajian ini untuk meninjau sejauh mana objektif PBS tercapai, kesesuaian Pentaksiran Berterusan semasa PBS, sokongan sekolah dan kepentingan portfolio guru pelatih untuk mencapai objektif PBS.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- a) Mengesan pencapaian objektif PBS
- b) Menilai kesesuaian tugas Pentaksiran Berterusan semasa PBS
- c) Meninjau sokongan pihak sekolah kepada guru pelatih semasa PBS
- d) Meneroka kepentingan menyediakan Portfolio PBS

METODOLOGI

Pendekatan mod campuran yang digunakan dalam kajian ini didahului kaedah kuantitatif dan diikuti kaedah kualitatif. Instrumen kajian ini ialah soal selidik yang dibangunkan berdasarkan senarai objektif PBS yang disenarai dalam Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Professional untuk Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) dan keperluan Pentaksiran Berterusan untuk Elektif Teras yang perlu disempurnakan oleh guru pelatih semasa tempoh PBS selama satu minggu. Soal selidik yang dibangunkan ini terdiri daripada item berskala Likert 7-mata dan item respon terbuka. Untuk mendapatkan kesahan item yang dibangunkan, soal selidik ini telah telah disemak oleh tiga pensyarah kanan IPG dari kampus lain yang mempunyai pengalaman bertugas lebih 20 tahun. Nilai alfa Cronbach untuk kebolehpercayaan ialah 0.936.

Item-item soal selidik terdiri daripada empat bahagian iaitu:

- Bahagian A: Pencapaian Objektif PBS
- Bahagian B: Kesesuaian Pentaksiran Berterusan (Elektif Teras)
- Bahagian C: Sokongan Sekolah
- Bahagian D: Penyediaan Portfolio PBS

Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 28.0. Selain itu, penyelidik menganalisis setiap portfolio guru-guru pelatih bagi mendapatkan data sokongan berkaitan dengan pengalaman guru pelatih semasa menghadapi PBS di sekolah. Analisis data adalah secara tematik.

Responden kajian ini terdiri daripada 95 guru pelatih Semester II Tahun Dua yang telah melaksanakan Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) kali ke-3. Profil responden kajian adalah seperti berikut:

Jadual 1. Profil Responden

Profil		Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	26	27.4%
	Perempuan	69	72.6%
Elektif Teras	Sejarah	45	47.4%
	Sains	22	23.2%
	Matematik	17	17.9%
	Pendidikan Jasmani	11	11.6%

Berdasarkan Jadual 1 profil responden, seramai 26 orang lelaki dan 69 orang perempuan guru pelatih yang menjalankan PBS ke-3 pada Semester II Tahun 2 Sesi 2022/2023. Guru-guru pelatih ini terdiri daripada guru pelatih yang mengambil opsyen elektif Sejarah, Sains, Matematik dan Pendidikan Jasmani.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 2. Pencapaian Objektif PBS

		STS						SS
		1	2	3	4	5	6	7
1	Memahami budaya sekolah	0 (0)	0 (0)	1 (1.1)	7 (7.4)	23 (24.2)	30 (31.6)	34 (35.8)
2	Menyesuaikan diri dengan budaya sekolah	1 (1.1)	0 (0)	3 (3.2)	7 (7.4)	29 (30.5)	30 (31.6)	25 (26.3)
3	Menghayati kerjaya seorang guru	0 (0)	0 (0)	3 (3.2)	3 (3.2)	27 (28.4)	31 (32.6)	31 (32.6)
4	Memperoleh pengetahuan pengurusan sekolah	1 (1.1)	0 (0)	1 (1.1)	10 (10.5)	26 (27.4)	30 (31.6)	27 (28.4)
5	Mendapat pendedahan awal tentang pembelajaran murid	0 (0)	0 (0)	2 (2.1)	8 (8.4)	27 (28.4)	32 (33.7)	26 (27.4)
6	Memahami pengurusan dan strategi PdP	0 (0)	1 (1.1)	5 (5.3)	13 (13.7)	33 (34.7)	23 (24.2)	20 (21.1)

bersambung

7	Membina kemahiran berinteraksi dengan murid sekolah	1 (1.1)	0 (0)	1 (1.1)	8 (8.4)	24 (25.3)	28 (29.5)	33 (34.7)
8	Membina kemahiran berinteraksi dengan pentadbir sekolah	0 (0)	0 (0)	1 (1.1)	7 (7.4)	22 (23.2)	41 (43.2)	24 (25.3)
9	Membina kemahiran berinteraksi dengan guru sekolah	1 (1.1)	0 (%)	2 (2.1)	8 (8.4)	15 (15.8)	40 (42.1)	29 (30.5)
10	Membina kemahiran berinteraksi dengan kakitangan sekolah	1 (1.1)	0 (0)	3 (3.2)	9 (9.5)	19 (20.0)	36 (37.9)	28 (29.5)
11	Membina kemahiran berfikir aras tinggi	0 (0)	2 (2.1)	2 (2.1)	16 (16.8)	31 (32.6)	24 (25.3)	20 (21.1)
12	Membina sikap positif terhadap profesion keguruan	0 (0)	1 (1.1)	0 (0)	5 (5.3)	24 (25.3)	29 (30.5)	36 (37.9%)
13	Membuat refleksi tentang tugas dan tanggungjawab guru	0 (0)	0 (0)	0 (0)	8 (8.4)	21 (22.1)	33 (34.7)	33 (34.7)

STS: Sangat Tidak Setuju; SS: Sangat Setuju
Bilangan responden dan peratus (dalam kurungan)

Berdasarkan Jadual 2 di atas, menunjukkan 26.3 % guru pelatih bersetuju bahawa PBS III sangat membantu dari segi menyesuaikan diri dengan budaya sekolah semasa tempoh pelaksanaan PBS III. Guru pelatih juga sangat bersetuju dengan PBS III dapat membina kemahiran berinteraksi bersama pentadbir sekolah, guru sekolah serta murid sekolah.

Daripada analisis ini, penyelidik telah menganalisis dapatan refleksi guru pelatih dalam laporan PBS di mana salah seorang responden telah meluahkan pendapat iaitu :

“Setelah menjalankan tugas ini, saya dapat membina sikap positif dalam diri sebagai guru. Antaranya, sikap positif adalah memupuk sifat bergaul dengan pelbagai golongan masyarakat tanpa mengira kaum dan latar belakang contohnya, guru-guru, kakitangan, pengawal keselamatan, pekerja kantin, pembersihan dan murid-murid...”

Daripada dapatan di atas, ini menunjukkan guru pelatih telah mencapai objektif sebenar PBS di mana, guru pelatih dapat menyesuaikan diri budaya kerja dan budaya sekolah.

Jadual 3. Pentaksiran Berterusan (Elektif Teras) Semasa PBS

		STS					SS	
		1	2	3	4	5	6	7
1	Pentaksiran Berterusan yang diberikan sesuai dilaksanakan semasa PBS.	2 (2.1)	1 (1.1)	4 (4.2)	17 (17.9)	21 (22.1)	28 (29.5)	22 (23.2)
2	Pentaksiran Berterusan terlalu membebankan saya semasa PBS.	14 (14.7)	14 (14.7)	11 (11.6)	21 (22.1)	14 (14.7)	12 (12.6)	9 (9.5)
3	Mendapat gambaran yang jelas tentang keperluan Pentaksiran Berterusan yang perlu dilaksanakan semasa PBS.	1 (1.1)	2 (2.1)	5 (5.3)	13 (13.7)	24 (25.3)	30 (31.6)	20 (21.1)
4	Tempoh PBS selama seminggu mencukupi untuk melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	7 (7.4)	7 (7.4)	22 (23.2)	16 (16.8)	19 (20.0)	12 (12.6)	12 (12.6)
5	Pensyarah memberi bimbingan mencukupi untuk saya melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	1 (1.1)	1 (1.1)	5 (5.3)	8 (8.4)	27 (28.4)	29 (30.5)	24 (25.3)
6	Pentaksiran Berterusan membantu saya lebih memahami tugas guru di sekolah.	0 (0)	2 (2.1)	2 (2.1)	11 (11.6)	27 (28.4)	25 (26.3)	28 (29.5)

STS: Sangat Tidak Setuju; SS: Sangat Setuju
Bilangan responden dan peratus (dalam kurungan)

Berdasarkan dapatan Jadual 3 di atas, sebanyak 9.5% guru pelatih menganggap tugas pentaksiran berterusan yang diberikan kepada guru pelatih sebagai membebankan. Berdasarkan refleksi yang penyelidik dapati, beberapa responden memberikan pendapat seperti berikut:

“Tugas yang diberikan agak sukar dilakukan kerana waktu PBS dijalankan adalah pada akhir sesi persekolahan “

“Saya berpendapat ia bagus dan membantu guru-guru pelatih mendapat ilmu pengetahuan namun saya merasakan tidak cukup untuk tempoh masa seminggu PBS untuk melengkapkan tugas serta dokumentasi fail PBS.”

Berdasarkan refleksi berikut, penyelidik mendapati tempoh waktu tugas Pentaksiran Berterusan dengan PBS adalah terlalu singkat dan telah membebankan guru pelatih.

Jadual 4. Sokongan Sekolah

	SS						STS
	1	2	3	4	5	6	7
Pentadbir sekolah menyambut baik kedatangan saya ke sekolah.	0 (0%)	0 (0%)	1 (1.1%)	10 (10.5%)	14 (14.7%)	26 (27.4%)	44 (46.3%)
Pentadbir sekolah memberi kerjasama yang baik kepada saya untuk melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	0 (0%)	2 (2.1%)	3 (3.2%)	5 (5.3%)	14 (14.7%)	28 (29.5%)	43 (45.3%)
Guru mata pelajaran memberi bantuan kepada saya untuk melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	1 (1.1%)	1 (1.1%)	3 (3.2%)	8 (8.4%)	14 (14.7%)	23 (24.2%)	45 (47.4%)
Saya selesa untuk berjumpa guru mata pelajaran untuk mendapatkan nasihat/bantuan semasa melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	1 (1.1%)	0 (0%)	3 (3.2%)	10 (10.5%)	14 (14.7%)	24 (25.3%)	43 (45.3%)
Sekolah mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membantu saya melaksanakan Pentaksiran Berterusan.	1 (1.1%)	1 (1.1%)	5 (5.3%)	12 (12.6%)	16 (16.8%)	29 (30.5%)	31 (32.3%)

Berdasarkan analisis Jadual 4 di atas, ini menunjukkan sokongan sekolah terhadap guru pelatih untuk menjalankan PBS III adalah tinggi. Peratus pentadbir sekolah menyambut baik kedatangan guru pelatih ke sekolah adalah sebanyak 46.3%.

Berdasarkan refleksi, salah seorang responden telah menulis seperti berikut:

“Bagi saya , saya tinggal di kawasan luar bandar jadi ketiga-tiga sekolah yang saya pergi adalah di luar bandar. Saya ingin mengatakan yang saya seronok kerana kami disambut baik oleh pihak sekolah dan semua guru- guru. Mereka juga amatlah membantu dan sedia untuk menolong kami dalam temubual dan lain- lain perkara untuk melengkapkan tugas kami.”

Jadual 5 Analisis dapatan diskriptif Bahagian D: Penyediaan Portfolio PBS

Item	Sangat Tidak Berfaedah 1	2	3	4	5	6	Sangat Berfaedah 7
Sejauh manakah penulisan Pernyataan Profesional dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	0 (0%)	1 (1.1%)	5 (5.3%)	12 (12.6%)	33 (34.7%)	22 (23.2%)	22 (23.2%)
Sejauh manakah 'Instrumen Pengumpulan Data' dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	1 (1.1%)	0 (0%)	5 (5.3%)	8 (8.4%)	29 (30.5%)	28 (29.5%)	24 (25.3%)
Sejauh manakah 'Kolaboratif' dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	0 (0%)	1 (1.1%)	4 (4.2%)	10 (10.5%)	19 (20.0%)	37 (38.9%)	24 (25.3%)
Sejauh manakah 'Ilmu/Pengetahuan Baru' dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	0 (0%)	1 (1.1%)	1 (1.1%)	13 (13.7%)	27 (28.4%)	30 (31.6%)	23 (24.2%)
Sejauh manakah 'Refleksi' dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	0 (0%)	1 (1.1%)	1 (1.1%)	10 (10.5%)	24 (25.3%)	33 (34.7%)	26 (27.4%)
Sejauh manakah 'Laporan Akhir' dalam Portfolio PBS berfaedah kepada anda?	0 (0%)	1 (1.1%)	5 (5.3%)	10 (10.5%)	28 (29.5%)	28 (29.5%)	23 (24.2%)

Berdasarkan analisis Jadual 5 di atas, dalam item Sejauh manakah penulisan Pernyataan Profesional dalam Portfolio PBS berfaedah kepada guru pelatih menunjukkan sebanyak 23.2% bersetuju bahawa penulisan pernyataan profesional dalam portfolio PBS dapat memberi faedah kepada mereka.

PERBINCANGAN

Kajian ini berfokus pada lima objektif iaitu mengesan pencapaian objektif PBS, menilai kesesuaian tugas Pentaksiran Berterusan semasa PBS, meninjau sokongan pihak sekolah kepada guru pelatih semasa PBS, dan meneroka kepentingan menyediakan Portfolio PBS.

Analisis dapatan menunjukkan bahawa PBS dapat mencapai objektif yang dihasratkan. PBS memberi peluang kepada guru pelatih untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan budaya sekolah serta memperoleh pengetahuan tentang pengurusan sekolah. Pengalaman PBS turut membantu guru pelatih menghayati kerjaya sebagai guru dan memahami pengurusan serta strategi pembelajaran dan pengajaran di bilik darjah. Dapatan ini sejajar dengan penekanan kajian yang lepas yang menggariskan PBS sebagai jambatan untuk mengisi jurang antara teori dan praktikal dalam latihan perguruan (Burns & Richards, 2009; Ögeyik, 2020). Dapatan kajian ini juga menunjukkan kepentingan PBS dalam mengembangkan keyakinan, pengetahuan, dan kemahiran guru pelatih dalam situasi sebenar sekolah. Dapatan Hashim et al. (2007) menggariskan bahawa PBS dapat membantu guru pelatih membangunkan kemahiran peribadi-profesional, amalan pengajaran, pengurusan tingkah laku, dan refleksi amalan. Bagaimanapun, refleksi guru pelatih dalam laporan menunjukkan beberapa cabaran, termasuk pandangan bahawa tempoh PBS mungkin terlalu singkat dan membebankan guru pelatih.

Tugas Pentaksiran Berterusan yang guru pelatih perlu selesaikan semasa PBS bertujuan merapatkan jurang antara teori yang dipelajari dan keadaan sebenar yang berlaku di sekolah. Tugas semasa PBS boleh berfungsi sebagai pelibatan pembelajaran yang mempunyai korelasi signifikan dengan efikasi diri dan identiti profesional (Cai et al., 2022). Jenis tugas yang diberikan adalah berdasarkan kursus elektif teras dan bersesuaian dengan penempatan guru pelatih di sekolah. Guru pelatih mempunyai gambaran yang jelas tentang tugas yang perlu disempurnakan kerana mendapat bimbingan pensyarah yang mencukupi. Namun begitu, beban tugas adalah berat dan tempoh seminggu PBS adalah tidak mencukupi.

Sokongan sekolah turut menjadi fokus yang signifikan untuk memberikan PBS yang bermakna kepada guru pelatih. Kajian ini menunjukkan sokongan yang tinggi dari pentadbir sekolah dan guru mata pelajaran, serta ketersediaan kemudahan di sekolah untuk membantu guru pelatih. Respons positif ini mencerminkan pentingnya kolaborasi antara institusi pendidikan guru dan sekolah-sekolah sebagai komuniti pembelajaran yang ideal.

Selain aspek pembelajaran secara langsung dalam bilik darjah, kajian ini juga menunjukkan kepentingan menyediakan Portfolio PBS untuk memperkaya pengalaman guru pelatih di sekolah. Kandungan Portfolio PBS seperti Pernyataan Profesional, Instrumen Pengumpulan Data, Rekod Kolaboratif, Catatan Ilmu/Pengetahuan Baharu, Refleksi, dan Laporan Akhir membantu guru pelatih agar lebih berfokus tentang pembelajaran melalui pengalaman yang diharapkan, sejajar dengan objektif PBS. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Hudson (2010) yang melaporkan penyediaan portfolio membantu dalam merefleksi diri, membangun kesedaran profesional, dan mencapai objektif pembelajaran. Berdasarkan dapatan Senin (2008) yang mendapati guru pelatih kurang selesa diselia walaupun penyeliaan adalah penting, Portfolio PBS dapat berfungsi sebagai alat pemantauan sendiri semasa tempoh PBS supaya guru pelatih dapat mengesan pembelajaran yang diharapkan dapat dicapai semasa berada di sekolah.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini telah menunjukkan PBS membawa impak yang signifikan dalam pengembangan profesionalisme guru pelatih. Pengalaman PBS memberikan peluang kepada guru pelatih untuk menyelami realiti sekolah, mengaplikasikan teori dalam amalan, dan mengembangkan pelbagai kemahiran dan sikap positif terhadap profesion keguruan. Pengalaman ini juga membolehkan guru pelatih menganalisis dan membuat refleksi tentang amalan instruksional mereka untuk meningkatkan kecekapan profesional (Fuentes-Abeledo et al., 2020).

Meskipun terdapat ruang penambahbaikan dari segi beban tugas pentaksiran berterusan, sokongan positif dari pihak sekolah, dan keberkesanan Portfolio PBS menunjukkan bahawa program ini membawa manfaat yang cukup besar dalam mempersiapkan guru pelatih untuk menjadi guru yang

berkesan dan matang secara profesional. Langkah-langkah dapat diambil untuk mengurangkan beban kerja pentaksiran berterusan dan memastikan sokongan sekolah yang berterusan.

Penyediaan Portfolio PBS perlu diteruskan dan ditingkatkan, dengan mengambil kira pandangan guru pelatih dan keperluan sebenar dalam menggambarkan pencapaian dan pembelajaran semasa PBS. Program PBS harus terus menjadi fokus utama dalam pembangunan profesionalisme guru pelatih untuk menyokong perkembangan pendidikan yang berterusan dan bermakna.

Secara keseluruhan, kajian ini memberikan pandangan yang holistik dan mendalam mengenai pelaksanaan PBS dan kesannya terhadap pembangunan profesionalisme guru pelatih. Pengalaman PBS yang positif dan bermakna dapat meningkatkan kesediaan guru pelatih untuk bertugas di sekolah kelak (Senin, 2008). Implikasi kajian ini dapat digunakan sebagai landasan untuk menyelaraskan dan meningkatkan program PBS dalam pendidikan guru, memastikan persediaan guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran yang kompleks serta pendidikan kontemporari.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini memberikan gambaran yang komprehensif mengenai pelaksanaan PBS dalam konteks pendidikan guru. Walaupun terdapat pencapaian positif, terdapat juga cabaran yang perlu diatasi, seperti masalah tempoh PBS yang mungkin terlalu singkat. Ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mempertimbang dan meningkatkan pelaksanaan PBS untuk memastikan keberkesanannya dalam menyediakan guru pelatih yang berkualiti tinggi dan bersedia menghadapi cabaran dunia pendidikan yang dinamik.

RUJUKAN

- Ab Latip, I., & Abd Ghani, T. (2003, Ogos 19-20). *Keberkesanan Program Pengalaman Berasaskan Sekolah berdasarkan guru pelatih KPLI Sekolah Rendah, MPPM ambilan 2003: Satu tinjauan* [Pembentangan Kertas Kerja]. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Kebangsaan, Kuching, Sarawak.
- Broadley, T., Sharplin, E., & Ledger, S. (2013). New Frontiers or Old Certainties: The pre-service teacher internship. In D.E. Lynch, & T. Yeigh (Eds.), *Teacher Education in Australia: Investigations, Practicum and into Programming Partnership* (ms. 94-108). Oxford Global Press.
- Burns, A. & Richards, J.C. (2009). *Second language teacher education*. Cambridge University Press.
- Cai, Z.L., Zhu, J.X., & Tian, S.Q. (2022). Preservice teachers' teaching internship affects professional identity: Self-efficacy and learning engagement as mediators. *Frontiers in Psychology*, 13. <https://www.frontiersin.org/journals/psychology/articles/10.3389/fpsyg.2022.1070763>
- Chennat, S. (2014). Internship in pre-service teacher education programme: A global perspective. *International Journal of Research in Applied, Natural and Social Sciences*, 2(11), 79-94.
- Filiz, B., & Durnali, M. (2019). The views of pre-service teachers at an internship high school on pedagogical formation program in Turkey. *European Journal of Educational Research*, 8(2), 395-407. <https://doi.org/10.12973/eu-jer.8.2.395>
- Fuentes-Abeledo, E. J., & González-Sanmamed, M., Muñoz- Carril, P. C., & Veiga-Rio, E. J. (2020). Teacher training and learning to teach: An analysis of tasks in the Practicum. *European Journal of Teacher Education*, 43 (3), 333–351. <https://doi.org/10.1080/02619768.2020.1748595>
- Harding, K., & Parsons, J. (2011). Improving teacher education programs. *Australian Journal of Teacher Education*, 36(11), 51-61.
- Hashim, S., Yaakub, R. & Ahmad, M. Z. (2007). *Pedagogi: Strategi Dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. PTS Publications & Distributors.
- Hudson, S.M., & Hudson, P.B. (2006). Beginning teachers' perceptions of their tertiary education preparedness for teaching. *Proceedings Australian Teachers Education Association*. <http://eprints.qut.edu.au/archive/00004795/>
- Hudson, P. (2010). Mentors report on their own mentoring practices. *Australian Journal of Teacher Education* (Online), 35(7), 30-42.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Professional. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Kementerian Pendidikan Malaysia*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Professional. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.

- Lang, C., Neal, D., Karvouni, M., & Chandler, D. (2015). An embedded professional paired placement model: "I know I am not an expert, but I am at a point now where I could step into the classroom and be responsible for the learning". *Asia-Pacific Journal of Teacher Education*, 43(4), 338-354.
- Ögeyik, M. (2020). School-Based and Faculty-Based Teaching Practices Student Teachers Gain Classroom Experiences. *ELT Research Journal*.
- Ruohotie-Lyhty, M., & Kaikkonen, P. (2009). The difficulty of change: The impact of personal school experience and teacher education on the work of beginning language teachers. *Scandinavian Journal of Educational Research*, 53(3), 295-309.
- Senin, A. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Tay, M.G. (2013). Komunikasi interpersonal dalam kalangan pelajar institut pendidikan guru semasa praktikum. *Jurnal Penyelidikan IPG Batu Lintang*, 11, 1-17.